

Headline	Rakyat digesa bendung gejala sosial		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	12 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	442 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 877
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,631



# Rakyat digesa bendung gejala sosial

**TAWAU:** Masyarakat perlu memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa untuk membendung masalah sosial yang semakin meningkat akhir-akhir ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu, Datuk Hamisa Samat berkata, tindakan kerajaan sahaja tidak mencukupi dalam menyelesaikan masalah seperti alkoholisme, gengster dan bunuh diri yang kian meningkat dan membimbangkan.

Beliau berkata Semua lapisan masyarakat termasuk ahli politik, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta perlu turut memainkan peranan dalam usaha memupuk dan memelihara perpaduan di negara ini.

Katanya, usaha membimbing dan mendidik golongan remaja dan belia ini bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi ibu bapa, badan bukan kerajaan dan persatuan belia juga perlu bersama-sama bertanggungjawab ke atas aspek itu.

Beliau turut menegaskan bahawa gejala sosial yang menimpa golongan remaja di negara ini perlu dibendung dengan segera agar negara mempunyai bakal pemimpin pelapis yang berwibawa dan sihat.

"Walaupun insiden atau kes keruntuhan moral amat kecil di kalangan remaja ... kita tidak boleh biarkan ia merebak sehingga membawa kepada perbuatan yang menyalahi undang-undang," tambahnya ketika berucap pada majlis perasmian Program NurSejahtera Remaja di Balai Raya Simpang 3, Kuala Merotai, Tawau di sini kelmarin.

Seramai 150 belia beliawanis dan penduduk Kampong Kuala Merotai hadir di program itu.

Antara lain program tersebut adalah ceramah kesihatan mengenai tanggung jawab Seksual Remaja dan juga ceramah penyakit berjangkit seperti AIDS, HIV dan penyakit jangkitan seksual dan tingkah laku berisiko.

Program sehari itu anjuran Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Parlimen Kalabakan.

Katanya, sebagai negara yang pesat membangun, Malaysia memerlukan tenaga muda yang baik dan sihat serta berilmu untuk terus membangunkan negara.

"Lebih 60 peratus penduduk negara ini terdiri daripada golongan muda dan belia, dan mereka merupakan aset yang bernilai kepada negara," katanya.

Hamisa yang juga Pengerusi Majlis

Pembangunan Wanita dan Keluarga Parlimen Kalabakan berkata, usaha membimbing dan mendidik golongan remaja dan belia ini bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata, malah ibu bapa, badan bukan kerajaan dan persatuan belia juga perlu bersama-sama menjalankan tanggungjawab membimbing golongan remaja.

"Kita mahu tenaga muda yang sihat, bertenaga, pandai, berilmu pengetahuan, baik tingkah laku, mengamalkan cara hidup sihat, berbudi bahasa dan bersemangat patriotik," katanya.

Beliau berkata, remaja kini amat bertuah berbanding dengan golongan remaja pada zaman dahulu kerana mereka dapat menikmati pelbagai kemudahan dan peluang bagi mencapai kejayaan diri.

Tegas beliau Wawasan 2020 yang diaspasikan oleh kerajaan tidak akan dapat direalisasikan oleh golongan pemimpin yang ada pada masa kini.

Sebaliknya usaha itu akan dijayakan oleh generasi muda yang masih berada di bangku sekolah.

Tambah Hamisa peranan ibu bapa dan masyarakat amat penting bagi membantu kerajaan menangani pelbagai kegiatan jenayah yang sering dikaitkan dengan golongan muda yang hilang pertimbangan.

"Anak-anak merupakan aset penting negara dan mereka perlu diberikan kasih sayang sepenuhnya dengan memberikan mereka (anak-anak) pendidikan agama di samping pendidikan akademik," katanya.



**ABADI KENANGAN ...** sebahagian peserta sedang bergambar bersama Hamisa Samat, penceramah, Ketua Kampong dan ahli jawatankuasa program NurSejahtera Remaja di Balai Raya Simpang 3, Kuala Merotai, Tawau di sini kelmarin.

Headline	Rakyat digesa bendung gejala sosial		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	12 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	442 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 877
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,631



**TUGASAN ... Remaja dari kampung Simpang 3, Kuala Merotai, Tawau sedang menyampaikan hasil tugas mereka.**